

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING [PENAMPANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status 4 lagi perkara yang belum diputuskan oleh Majlis Khas MA63 yang diurussetiakan oleh BHESS mengenai Perlaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 yang turut melibatkan tuntutan bayaran 20% setahun daripada hasil pengeluaran produk minyak dan gas dari Sabah.

JAWAPAN

**YB DATO' HAJAH HANIFAH HAJAR TAIB
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terdapat 4 perkara yang masih belum selesai atau tiada keputusan di bawah Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 yang ditubuhkan di bawah Kerajaan terdahulu iaitu:

- (i) Royalti Minyak dan Bayaran Tunai Petroleum;**
- (ii) Mineral Minyak dan Medan Minyak;**
- (iii) Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750]; and**

(iv) **Hak Negeri ke atas Pelantar Benua (Akta Pelantar Benua 1966 [Akta 83]).**

2. Status terakhir bagi keempat perkara ini adalah ia masih dalam peringkat rundingan dan dibincangkan secara tertutup di antara mantan YAB Perdana Menteri Ke-7 pada waktu itu bersama-sama dengan mantan YAB Ketua Menteri Sabah dan YAB Ketua Menteri Sarawak sehingga Kabinet terbubar susulan daripada perletakan jawatan oleh Ahli Parlimen Langkawi sebagai Perdana Menteri ke-7 pada 24 Januari 2019 yang lalu.
3. Oleh yang demikian, perbincangan berhubung perkara-perkara ini akan diteruskan dalam **Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963** (Majlis Khas MA63) yang telah diluluskan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada 9 September 2020 yang lalu. Pada waktu yang sama, sebagai menunjukkan keprihatinan dan keihlasan Kerajaan Persekutuan bagi membantu Kerajaan Negeri Sarawak berhubung isu berkaitan tuntutan negeri berkaitan petroleum dan gas, YAB Perdana Menteri telah melantik YB Menteri Kewangan dan YB Menteri Kanan Kerja Raya untuk membincangkan perkara berkenaan royalti minyak bersama Petronas dan Kerajaan negeri Sarawak dalam satu Jawatankuasa Bersama yang diurus setia oleh Kementerian Kewangan.
4. Memandangkan proses rundingan masih sedang berjalan, maklumat berkaitan terma-terma dan status atau *outcome* perkara-perkara yang sedang dirundingkan/dibincangkan dalam Jawatankuasa Bersama belum lagi selesai.

Sekian, terima kasih.